

Hasil rampasan RM4.1 juta

1,261 kes
pelbagai
kesalahan
dicatatkan
KPDNHEP
Perak

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merekodkan nilai rampasan lebih RM4.1 juta membabitkan 1,261 kes tahun ini.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Perak, V Ravichandran berkata, kes itu juga membabitkan kutipan kompaun berjumlah RM363,200.

"Dalam tempoh 1 Ja-

nuari hingga 24 Disember, kita telah memeriksa 75,901 premis di bandar dan 11,413 premis luar bandar dengan 1,261 kes pelbagai kesalahan.

"Daripada kes dihasilkan itu, kita berjaya mencatatkan nilai denda yang diperoleh daripada kes didakwa di mahkamah sebanyak RM137,100 semenara nilai lucut hak yang dijadikan hasil kerajaan berjumlah RM340,144.83," katanya pada sidang akhbar sempena Pemeriksaan Ops Catut 6.0 di Pasaraya Econsave Bercham di sini semalam.

Menurutnya, kesalahan paling tinggi dikesan sepanjang tempoh itu adalah membabitkan Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 serta Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Kita dapat masih ramai kalangan peniaga gagal



Ravichandran (dua dari kanan) bersama pegawaiya memeriksa harga barang sempena Ops Catut 6.0 di Pasaraya Econsave Bercham semalam.

meletakkan tanda harga dengan sebahagian kecil barang tidak mempunyai pelabelan oleh pengeluar, pengimpor, pengedar dan pemborong. Bagi kesalahan ini sahaja sebanyak 520 kes

dicatatkan.

"Begitu juga berkaitan alat timbang dan sukat di mana 409 kes mendapat peniaga gagal menentusahkan peralatan mengikut akta ditetapkan," katanya.

Ravichandran berkata, sebanyak 43 notis pengesahan harga telah dikeluarkan di bawah Ops Catut 6.0 membabitkan 43 premis merangkumi pengilang, permasaran am, pengedar,

pemborong dan peruncit di negeri itu sejak 1 Disember lalu.

Katanya, pemeriksaan itu melibatkan 215 jenis barang makanan dan minuman, barang isi rumah, tekstil, perabot, kasut dan barang elektrik.

"Penguatkuasaan ini melibatkan tiga fasa sehingga Jun depan. Kita akan menilai semula kategori-kategori barang ini sama ada berlaku atau tidak sebarang perubahan harga jualan.

"Ini bagi menangani aktiviti pencatutan dan manipulasi harga dengan memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang secara tidak terkawal terutama dengan pelaksanaan dasar baharu kerajaan menerusi Program Subsidi Petrol (PSP) yang dijangka memberi impak secara tidak langsung ke atas harga barang," katanya.

HARI	:	..
TARIKH	:	..
M/SURAT	:	25/12/2019
		32
RABU		